

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 MAY 2016

Ahmad Razif kekal MB Terengganu – Najib

KUALA LUMPUR 1 Mei - Ahmad Razif Abdul Rahman kekal sebagai Menteri Besar Terengganu dan beliau akan terus menjalankan tugasnya seperti biasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkara itu telah diperkenankan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin ketika beliau menghadap baginda bagi membincangkan tentang kedudukan Menteri Besar Terengganu semalam.

Beliau berharap, dengan pengumuman itu, tidak akan timbul lagi sebarang persoalan atau andaian tentang kedudukan Ahmad Razif.

“Kita mesti anggap isu kepem-

impinan kerajaan negeri Terengganu sudah pun selesai.

“Sekarang ini, kita perlu tumpukan kepada tanggungjawab dan tugas untuk terus memastikan pentadbiran kerajaan negeri Terengganu berjalan lancar bagi menjamin pembangunan serta kesejahteraan rakyat,” ketika dalam sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra



**AHMAD RAZIF
ABDUL RAHMAN**

(PWTC) di sini hari ini.

Sultan Mizan melucutkan semua darjah kebesaran yang dikurniakan kepada Ahmad Razif, berkuat kuasa pada 22 April lalu.

Ahmad Razif dikurniakan Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu Kehormat (DPMT) yang membawa gelaran Datuk pada 2012 dan Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZ) yang membawa gelaran Datuk Seri pada April 2015.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Takir itu mengang-

kat sumpah sebagai Menteri Besar Terengganu menggantikan Datuk Seri Ahmad Said pada 12 Mei 2014.

Berhubung pelucutan darjah kebesaran terhadap Ahmad Razif, Najib memberitahu, beliau tidak mahu menyentuh perkara itu kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan ia merupakan hak dan kuasa Sultan.

“Ahmad Razif juga telah dimaklumkan tentang perkara ini,” jelasnya.

Perdana Menteri juga enggan mengulas secara terperinci ketika ditanya tentang apa yang berlaku semasa beliau menghadap Sultan Mizan.

um - 2/5/2016